

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE
BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA]**

SOALAN

DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk membangunkan sebuah Maktab Rendah Sains Mara di dalam kawasan Parlimen Hang Tuah Jaya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini terdapat 55 MRSM telah beroperasi di seluruh negara dengan kapasiti keseluruhan berjumlah 42,189 pelajar. Manakala, di negeri Melaka sahaja terdapat 3 MRSM sedang beroperasi dengan kapasiti sebanyak 2,332 pelajar iaitu MRSM Tun Ghafar Baba di Jasin, MRSM Terendak dan MRSM Alor Gajah.

Selain itu, terdapat 12 Institusi Pendidikan MARA di negeri Melaka yang menawarkan pendidikan dalam peringkat tertiar dengan kapasiti berjumlah 5,402 pelajar. Institusi tersebut adalah Institut Kemahiran MARA (IKM) Jasin, Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Masjid Tanah, Kolej Profesional MARA (KPM) di Ayer Molek dan Bandar Melaka, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) MICET di Alor Gajah serta 7 pusat GIATMARA di Alor Gajah, Masjid Tanah, Bukit Katil, Jasin, Kota Melaka, Simpang Ampat dan Tangga Batu.

Untuk makluman Yang Berhormat, MARA tiada perancangan untuk membangunkan sebuah lagi MRSM baharu di negeri Melaka khususnya di kawasan Parlimen Hang Tuah Jaya memandangkan sudah terdapat 15 Institusi Pendidikan MARA di seluruh negeri Melaka.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI SHAMSUL @ YUSRE
BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA]**

SOALAN

DATUK SERI SHAMSUL @ YUSRE BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk membangunkan produk-produk pelancongan secara bersama dengan Kerajaan Negeri Melaka khususnya di dalam kawasan Air Keroh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sememangnya sentiasa bekerjasama dengan semua pihak yang berkaitan, sama ada Kementerian atau agensi Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan-Kerajaan Negeri, dalam memastikan industri pelancongan negara terus berkembang, maju dan mampu menjana pendapatan yang tinggi bukan sahaja kepada negara, malah kepada penggiat industri.
2. Usaha ini termasuklah memastikan produk-produk pelancongan termasuk aset-aset semula jadi diselenggara dengan baik di samping menyalurkan peruntukan bagi pembangunan fizikal produk-produk pelancongan sedia ada bagi menjamin keselesaan pelancong-pelancong yang berkunjung.
3. Khusus bagi negeri Melaka, MOTAC telah meluluskan sebanyak RM5.5juta bagi kelulusan projek khas di bawah Peruntukan Kampung Budaya bagi projek Penambahbaikan Taman Mini Malaysia dan Mini ASEAN serta Institut Warisan Melaka (INSWA). Selain itu, MOTAC juga telah menyalurkan sebanyak RM3.13juta bagi 16 projek penyelenggaraan kemudahan pelancongan di seluruh Negeri Melaka, dengan majoritinya berada di kawasan Ayer Keroh.
4. Kementerian ini turut dimaklumkan bahawa Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan peruntukan untuk Projek Pembangunan Ecotourism Paya Lebar, Alor Gajah, melalui *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP1, RMKe-12) dan akan dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG). Pada masa yang sama, MOTAC bersedia untuk memperhalusi dan menyokong sekiranya terdapat sebarang permohonan projek pembangunan yang mampu memberikan nilai tambah dan menjadi tarikan utama kepada pelancong sama ada di Ayer Keroh ataupun mana-mana tempat di Negeri Melaka di masa hadapan.

5. Pembangunan produk-produk pelancongan ini bukan hanya melibatkan pembangunan infra semata-mata, tetapi ia juga melibatkan inisiatif-inisiatif pengurusan program dan aktiviti pelancongan di tempat tarikan pelancong sedia ada. Pembangunan produk-produk seperti pakej-pakej percutian adalah antara inisiatif Tourism Malaysia dengan kerjasama pengusaha-pengusaha produk pelancongan, hotel dan agensi-agensi pelancongan tempatan dan antarabangsa serta syarikat-syarikat penerbangan. Program-program dan pelbagai konsep kerjasama diperhalusi, antaranya menerusi penyertaan di pameran-pameran pelancongan, bagi memastikan pelancong-pelancong mengalami pengalaman positif *experiential tourism*. Selain itu seminar-seminar pembangunan pakej turut diusahakan bagi membangunkan produk-produk pelancongan yang berdaya maju. Inisiatif-inisiatif ini semestinya dijalankan dengan sokongan kerajaan-kerajaan negeri.

6. Pembangunan aktiviti-aktiviti *experiential tourism* sebagai produk-produk pelancongan turut diberikan publisiti melalui inisiatif-inisiatif promosi media konvensional, sosial dan digital termasuk melalui program suaikenal *mega familiarisation* media dan agensi pelancongan antarabangsa.

7. Selain itu, Tourism Malaysia serta Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB), sebuah lagi agensi di bawah MOTAC, turut menyokong penganjuran acara-acara antarabangsa di Malaysia yang dipromosikan melalui penerbitan panduan Kalendar Acara Pelancongan Negara termasuk bagi acara-acara di Melaka. Penganjuran acara-acara pelancongan juga turut merupakan produk-produk pelancongan negara yang boleh dimanfaatkan untuk pembangunan industri pelancongan.

8. MOTAC menerusi Kraftangan Malaysia pula berusaha meningkatkan aktiviti pelancongan, seni dan budaya dalam membangunkan produk pelancongan berasaskan kraf di seluruh Malaysia. Bagi negeri Melaka, sehingga 31 Oktober 2021, terdapat seramai 161 orang usahawan kraf melibatkan 296 orang tenaga kerja berdaftar di negeri Melaka yang telah berjaya menjana pendapatan jualan kraf sebanyak RM3.1juta.

9. Bagi menyemarakkan lagi industri pelancongan di negeri Melaka, pelbagai usaha dirancang dalam mengeluarkan dan memasarkan produk kraf demi memenuhi permintaan pelancong domestik dan antarabangsa. Usaha yang berterusan dilakukan bagi memperkukuhkan kesejahteraan sosial dalam meningkatkan kualiti hidup dan mewujudkan peluang pekerjaan yang secara tidak langsung menjana ekonomi usahawan kraf.

10. Dalam hal ini, Kraftangan Malaysia telah merancang pelbagai program dan aktiviti untuk membangun dan mempromosikan produk kraf secara bersama dengan Kerajaan Negeri Melaka. Antaranya ialah:

- (i) menjadikan Kompleks Kraf Ayer Keroh sebagai *One Stop Craft Centre*;
- (ii) memperluas dan mempromosikan produk pelancongan kraf menerusi perkhidmatan pakej Trail Pelancongan iaitu Kembara Kraf Melaka, yang menghubungkan destinasi pembuatan produk kraf kepada pelancong dengan kerjasama Kerajaan Negeri, Tourism Malaysia, pemandu pelancong dan inap desa; dan
- (iii) Bantuan bayaran sewaan tapak jualan kepada usahawan kraf dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri.

11. Selain itu, pembangunan produk kraf terus dipelbagaikan, antaranya dengan mengetengahkan penggunaan elemen budaya dan etnik serta ikon di negeri Melaka sebagai sumber inspirasi dalam penghasilan rekaan produk baharu serta penerapan motif pada semua bidang kraf tekstil, logam, hasil rimba dan aneka kraf. Antara motif yang diketengahkan adalah seni bina Tangga dan Bumbung Rumah Melaka, reka corak Baba & Nyonya, Sanggul Lintang dan Produk ikonik / produk warisan seperti Kereta Lembu.

Sekian, terima kasih.